

## Empat Kali Doa

Pada suatu hari, seorang peminum arak, yang tidak putus-putus mabuknya siang dan malam, telah menjemput rakan-rakan seminumnya seperti biasa datang minum-minum di tempatnya. Sesudah itu ia pun memberikan empat dirham kepada khadamnya dan menyuruhnya belikan buah-buahan untuk majlis itu.

Pergilah khadam itu membeli apa yang dimaksudkan oleh tuannya, tiba-tiba ia terpandang seorang miskin yang buta di pertengahan jalan, sedang meminta sedekah sambil berkata: “Barang siapa memberikan kepada aku satu dirham nescaya aku doakan baginya dengan satu doa, dan barang siapa yang memberikan kepada aku dua dirham nescaya aku doakan baginya dua kali.”

Kata-kata si miskin itu menjadikan khadam yang sedang leka mendengarnya. tertarik hati, lalu memberikan kepadanya empat dirham itu dan meminta supaya ia mendoakan baginya empat kali.

Dengan sukacitanya si miskin menyebut wang itu lalu berkata: “Cuba sebutkan, apa yang tuan mahu, supaya saya doakan?”

Khadam itu pun menyatakan hajatnya dengan berkata: “Saya berhajat hendak membebaskan diri daripada tuan saya.”

Si miskin pun mendoakan baginya mudah-mudahan Allah Ta‘ālā membebaskan dia daripada menjadi hamba abdi, kemudian bertanya: “Apa pula hajat tuan yang kedua?”

Khadam segera menjawab: “Saya bermohon mudah-mudahan Allah ‘Azza wa Jalla menggantikan bagi saya akan empat dirham tadi.”

Tersenyum si miskin mendengarnya, lalu mendoakan baginya menurut hajat yang tersebut, kemudian ia bertanya lagi: “Apa pula hajat tuan yang ketiga?”

Khadam segera menyatakan hajat dengan berkata: “Saya mohon, mudah-mudahan Allah Ta‘ālā melorongkan supaya tuan saya segera bertaubat.”

Orang miskin itu pun mendoakan baginya lalu bertanya: “Apa pula hajat tuan yang keempat?”

Setelah diam sejerus, khadam berkata: “Saya memohon moga-moga Allah Ta‘ālā mengampunkan dosa saya dan dosa tuan saya, dan juga dosamu dan dosa rakan-rakan tuan saya.”

Si miskin ia pun mendoakan baginya sebagaimana yang dimintanya.

Kembalilah khadam itu lalu ditanya oleh tuannya: “Kenapa engkau lambat?”

Khadam pun menceritakan kisahnya dengan orang miskin tadi.

Mendengarkan kisahnya itu, tuannya bertanya: “Apa isi doanya?”

Saya telah memohon mudah-mudahan saya dibebaskan oleh Allah Ta‘ālā daripada menjadi hamba abdi” jawab khadam itu.

“Baiklah, aku sekarang bebaskan engkau”, kata tuannya lalu berkata: “Apa pula isi doanya yang kedua?”

Saya telah pohonkan supaya saya mendapat ganti akan wang yang empat dirham itu”, jawab khadam.

“Baiklah, aku berikan kepadamu empat ribu dirham”, kata tuannya lalu bertanya: “Apa pula isi doanya yang ketiga?”

Khadam menjawab: “Saya telah memohon mudah-mudahan Allah ‘Azza wa Jalla membuka hati tuan dan melorongkan tuan segera bertaubat.”

“Baiklah, aku sekarang bertaubat kepada Allah ‘Azza wa Jalla”, kata tuannya dengan gembiranya lalu bertanya: “Apa pula doanya yang keempat?”

Dengan sukacitanya khadam menjawab: “Saya telah pohonkan moga-moga Allah Ta’ālā mengampunkan dosa saya

dan dosa tuan, dan juga dosa si miskin dan dosa rakan-rakan tuan yang hadir di majlis ini.”

Tersenyum tuannya mendengar lalu berkata: “Ini bukan hak aku.”

Setelah tuannya tidur pada malam itu, bermimpilah dia dengan seorang yang tidak dikenalnya berkata kepadanya:

“Kamu telah melakukan apa yang menjadi hak kamu, adakah kamu fikir bahawa Allah tidak akan melakukan apa yang menjadi haknya? Allah Ta’ālā telah mengampunkan doasamu dan dosa khadammu. dan juga telah mengampunkan dosa si miskin dan dosa rakan-rakamu itu.”



*Penuntut-penuntut lagu Qur'an, Batu Pahat. Duduk dari kanan saudara-saudara Abdullah Ahwi (Batu Pahat), Ahmad (Segamat), dan Ustaz Abdul Kadir Awang (Guru).*

*Berdiri dari kanan, saudara-saudara: Hussein Hamid dan Saad Sulong dari Singapura, Abdul Rahman Haji Yahya, Sulaiman Ali dan Muhammad Ali dari Batu Pahat.*